



PESERTA program bergambar kenangan bersama pegawai Jabatan Hal Ehwal Pelajar.

Pelajar teruja sertai program bina semangat

UB 19.5.2013 94
PAPAR: Seramai 30 pelajar menyertai program 'Adventure Outdoor Activities' anjuran Bahagian Pembangunan Pelajar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar, di KK Adventure Park, Beringgis, di sini baru-baru ini.

Program diadakan seiring cogankata 'Kecemerlangan akademik lahir daripada otak yang cerdas dan tubuh badan yang sihat.'

Penyelaras program, Faridah Samsudin, berkata program itu dirancang untuk memberi pendedahan kepada pelajar mengenai kepentingan bersukan termasuk aspek riadah/rekreasi dalam aktiviti.

"Di samping mewujudkan suasana sosial yang baik di kalangan pelajar, ia juga merapatkan ikatan silaturahim serta memupuk semangat perpaduan di kalangan peserta yang terdiri daripada kaum Melayu, Cina dan India," katanya.

Beliau gembira kerana program berkenaan mendapat



PENOLONG Pendaftar HEP, Rohani Hadi menyampaikan hadiah kepada Juara Kumpulan Terbaik.

sambutan baik dari kalangan pelajar.

Seorang peserta, Syamsiah Hyder Ali, pelajar dari Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat, menyifatkan aktiviti itu dapat mengurangkan tekanan dan mengertakan hubungan sesama rakan.

Rakannya, Pang Ngiap Ting, pelajar Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial

, berpendapat aktiviti berkenaan sangat rbaik dan semua peserta teruja dengan program yang diadakan.

Mereka berterima kasih kepada Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof. Madya Datuk Dr. Kasim Hj. Md. Mansur dan Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Mohd Raffie Hj. Janau serta semua yang terlibat menjayakannya.